

USIM anjur pesta konvo 6-9 November

SEREMBAN 18 Okt. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) akan menganjurkan Pesta Konvokesyen Ke-13 (CFEST'13) selama empat hari mulai 6 November ini di Dewan Tuanku Canselor, USIM di Nilai dekat sini.

Sempena majlis tersebut, universiti itu memaklumkan bahawa tema reka bentuk konvokesyen ke-13 berkenaan diilhamkan daripada konsep muqarnas iaitu sebuah binaan yang paling asli dalam seni bina Islam tanpa merujuk kepada mana-mana ketamadunan sebelumnya.

Perkataan muqarnas berasal daripada bahasa Arab yang bererti kubah stalaktit.

Sejajar dengan tema itu, USIM bakal meraikan graduan sulungnya bagi program Seni Bina dengan penuh harapan agar mereka mampu menjadi pemangkin ke arah pembangunan negara yang lestari, mapan dan seimbang dalam aspek materialistik dan spiritualistik seperti yang dianjurkan oleh kitab suci al-Quran.

Pelbagai aktiviti menarik

Pesta KONVO

UTUSAN MALAYSIA

MINGGUAN MALAYSIA



USIM

disediakan untuk para pengunjung pada pesta yang bermula pukul 8 pagi sehingga 12 tengah malam sepanjang majlis konvokesyen tersebut.

Antara aktiviti yang ditawarkan adalah seperti Kidz Stylista bersama Upin dan Ipin, Super Duper Inflatable Balloon, perkongsian pengalaman kemanusiaan bersama selebriti Muslim Care, fesyen, seni dan syariat oleh artis-artis terkenal tanah air, Konsert Cinta Paling Agung, dan slot oleh Ustaz Don.

Selain itu, pelbagai aktiviti sukan seperti bola jaring, futsal,

pemmainan roller blade dan pertunjukan kereta Tamiya turut diadakan sesuai untuk semua lapisan masyarakat.

USIM meneruskan kerjasama dengan *Utusan Malaysia* sebagai media rasmi untuk pesta konvokesyen tahun ini dengan menampilkan konsep bersantai sambil beramal yang turut mendapat sokongan dan kerjasama daripada Muslim Care Malaysia Society.

Antara artis yang dijangka memeriahkan pesta konvokesyen itu ialah Nora, Ayai Ilusi, Yatt Hamzah, Diana Amir dan ramai lagi.